

Laporan  
ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR  
**AKNC**





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْلَى مَارَا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

# LAPORAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

## 2021

### FAKULTI PERGIGIAN

### JARINGAN ALUMNI, KOMUNITI DAN KESUKARELAWAN

---

**KETUA PTJ :**

MOHAMED IBRAHIM BIN ABU HASSAN

**KETUA UNIT KUALITI :**

TENGGU INTAN BAIZURA BT TENGGU JAMALUDDIN

**PENYELARAS :**

TENGGU INTAN BAIZURA BT TENGGU JAMALUDDIN

**PENULIS :**

1. NURHAYATI BINTI MOHAMAD ZAIN
2. ELEENA BINTI MOHD YUSOF
3. TENGGU INTAN BAIZURA BT TENGGU JAMALUDDIN
4. MAS SURYALIS BINTI AHMAD
5. AZMEEL MAZLEE BIN ANUAR
6. AMINDA FAIZURA BINTI OMAR KHATTAB KHAN
7. 'ATIQA BINTI AZAM

8. BUDI ASLINIE BINTI MD SABRI
9. NOR FAEZAH BINTI MD BOHARI
10. NORASHIKIN BINTI YUSOF
11. NAWWAL ALWANI BINTI MOHD RADZI
12. AZRI ALIAH BINTI MOHD YANI
13. AHMAD HAFIFI BIN ZAINAL ABIDIN
14. MOHD AIZAT BIN ABDUL RAHIM
15. MOHD ISYRAFUDDIN BIN ISMAIL
16. NOOR FARAH ZAITI BINTI MOHD ZAIDON
17. NOORWAHIDA BINTI SHAHARUDDIN
18. TENGGU FAZRINA TENGGU MOHD ARIFF
19. HAZMYR BIN ABDUL WAHAB
20. MOHD KHERMAN BIN SUPARMAN

## **KRITERIA 1 : KEPIMPINAN**

### **1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Kepimpinan Fakulti di lestarikan melalui pengambilan kakitangan akademik mengikut dasar-dasar yang digariskan oleh UiTM dan mengikut keperluan program serta pengambilan pelajar untuk mematuhi nisbah tenaga pengajar kepada pelajar. Unjuran staf akademik adalah berdasarkan kepada standard program klinikal pergigian untuk prasiswazah pergigian dan ijazah pascasiswazah. Setiap pusat pengajian mempunyai unjuran jabatan berdasarkan aktiviti pengajaran untuk mahasiswa prasiswazah dan pascasiswazah setiap semester. Pemimpin akademik dan peranan pentadbiran dirancang dalam Perancangan Penggantian Fakulti (*Successor Planning*), dan pemimpin akademik yang berpotensi dilatih sewajarnya. Keperluan untuk pelantikan jawatan samada *junior* ataupun kanan secara rasmi diiklankan berdasarkan keperluan semasa dan masa depan.

Perancangan strategik untuk pensyarah pelatih dilaksanakan supaya mereka akan memperolehi pelbagai kesarjanaan ataupun kelayakan profesional kebangsaan atau antarabangsa berdasarkan Majlis Pergigian Malaysia (MDC) serta kembali berbekalkan pengalaman yang bermanfaat kepada Fakulti setelah tamat pengajian. Staf akademik klinikal yang diwartakan sebagai pakar digalakkan untuk meneruskan kecemerlangan dalam latihan subspesial atau Doktor Falsafah (PhD) dalam kepakaran masing-masing. Staf akademik bukan klinikal digalakkan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah dalam bidang masing-masing sama ada di institusi kebangsaan atau antarabangsa. Fakulti menggalakkan semua kakitangan bukan akademik bersama-sama dengan ahli akademik, dan doktor untuk mengetahui isu-isu semasa, meneruskan pembelajaran atau objektif sepanjang hayat untuk pembangunan peribadi. Usaha ini dijalankan melalui:

- i. Unit Akademik
- ii. Unit Klinikal
- iii. Kelab Kebajikan
- iv. Unit Kaunseling Kampus
- v. Aktiviti Sukan (Fakulti/Kampus/Kebangsaan)
- vi. ILD, UiTM
- vii. Badan-badan profesional Kebangsaan/Antarabangsa

## **1.2 PENDEKATAN (APPROACH)**

Kepimpinan Kanan FD meluluskan cadangan aktiviti-aktiviti bidang tumpuan yang dicadangkan oleh Ketua Pusat Pengajian atau individu berdasarkan feasibiliti aktiviti, ROI dan keberkesanan kepada pelanggan-pelanggan aktiviti. Kertas kerja akan dibentangkan di Mesyuarat JAF untuk dibincangkan dan untuk diluluskan. Pembentangan kertas kerja di panel PPSM sekiranya permohonan kewangan diperlukan untuk menyertai aktiviti-aktiviti agensi luar berdasarkan syarat-syarat Fakulti dan UiTM.

## **SENARAI BUKTI:**

### 1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Fakulti Pergigian telah menyediakan persekitaran pembelajaran yang kondusif untuk para pelajarnya dengan menyediakan bilik darjah (*technology enabled classroom*, TEC) yang berteknologi tinggi dan klinik-klinik pelajar yang kondusif untuk aktiviti PnP (bilik berhawa dingin), makmal penyelidikan dan pergigian yang serba lengkap serta makmal komputer umum. FD korporat menyelia dan mempromosikan kejayaan FD, dan eksklusif berita. Maklumat am kepada orang ramai dan kepada ahli universiti melalui laman web, dan media sosial adalah di bawah tanggungjawab kakitangan berdasarkan garis panduan yang digambarkan oleh <https://korporat.uitm.edu.my/main/index.php/publications/uitm-bckk-manuals>

Kepimpinan turut mengutarakan anugerah Staff of the Month, pemenang dibahagikan kepada dua kategori iaitu kakitangan akademik dan bukan akademik. **Team of the Month** julung-julung kali diadakan untuk memupuk kesetiakawan di antara kakitangan dalam tugas hakiki dan jua tugas sampingan lebih-lebih lagi sepanjang pandemik.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [Team of the Month - February 2021.pdf](#)
2. [Team of the Month - April 2021.pdf](#)
3. [Team of the Month - May 2021.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Perancangan strategik FD adalah berdasarkan pengenalanpastian **SWOT**: *Strengths, Weaknesses, Opportunities, Threats (Kekuatan, Kelemahan, Peluang, Ancaman)*.

**S** - Senarai kekuatan FD dibentangkan dan dibincangkan bagaimana dapat digunakan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti bidang tumpuan. Contohnya, Alumni FD turut berkhidmat kembali kepada Fakulti untuk berkongsi pengalaman selepas graduasi dan juga perjalanan keserjanaan klinikal.

**W** - Kelemahan yang dikenalpasti dibincangkan samada berpeluang ditambahbaik ataupun cadangan memilih alternatif lain. Contohnya, kerusi pergigian melebihi 10 tahun dan layak untuk pelupusan berbanding kos baikpulih yang lebih tinggi.

**O** - Senarai peluang yang muncul untuk kelestarian tenaga pengajar, pelajar dan juga Fakulti dikira dan diambil dengan pertimbangan sewajarnya.

**T** - Ancaman yang timbul direkodkan dan ditimbal balik cadangan menanganinya. Contohnya, kalendar akademik kerap kali dipinda untuk mengelakkan risiko kepada pelajar dan staf Fakulti semasa pandemik COVID-19. Aktiviti-aktiviti bidang tumpuan juga dilaksanakan berdasarkan SOP MKN dan KKM.

### **SENARAI BUKTI:**

#### **1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)**

FD mempunyai Unit Kualiti yang diketuai oleh Ketua Unit Kualiti (KUK). Di bawah Unit Kualiti Fakulti (UKF) terdapat pelbagai jawatankuasa seperti Jawatankuasa Audit Dalaman, Kecemerlangan Operasi, AKNC dan Analisis Data yang ditubuhkan untuk memastikan aktiviti jaminan kualiti dalaman disediakan untuk peningkatan kualiti yang berterusan. Unit ini bertanggungjawab dalam merancang langkah-langkah yang perlu untuk memastikan jaminan kualiti berterusan di FD dan sentiasa mengikuti perubahan dan amalan terbaik dalam jaminan kualiti. Prosedur Pengurusan dan Operasi (SOP), Objektif Kualiti, Manual Kualiti dan aktiviti Audit Dalaman digunakan sebagai langkah-langkah semakan yang berterusan dan mengemaskinikan aktiviti-aktiviti jaminan kualiti dalaman FD. Pada masa ini, Unit Kualiti FD melapor terus kepada Dekan Fakulti Pergigian. Ketua Unit Kualiti bekerjasama secara langsung dengan Wakil Pengurusan (Timbalan Dekan Hal Ehwal Akademik) untuk memastikan proses jaminan kualiti dilaksanakan dan objektif kualiti FD dapat dicapai. Ketua CSPI Fakulti bekerja seiring untuk menggalakkan dan menyusun Perancangan Strategik Fakulti.

#### **SENARAI BUKTI :**



### **1.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)**

Aktiviti-aktiviti bidang tumpuan yang berlandaskan akademik dan juga penglibatan staf akademik di aktiviti-aktiviti bidang tumpuan dengan badan-badan profesional dan sukarelawan luar dibincangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Akademik Fakulti. Kaji semula pelaksanaan aktiviti dan penglibatan staf dan pelajar sepanjang pandemik (Mac 2020 sehingga kini) turut dibincangkan di Mesyuarat Pengurusan Dalaman lebih-lebih lagi untuk memastikan tiada aktiviti yang dapat menjejaskan proses memutuskan rantai COVID-19.

Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni berkomunikasi secara langsung dengan Wakil-wakil Pelajar prasiswazah dan pascasiswazah, MPP, Presiden DENSA, Presiden SMF dan Wakil Universiti UiTM-MDSA lebih-lebih lagi dalam aktiviti bidang tumpuan bukan akademik. Sebarang kemusykilan dan isu dibangkitkan kepada Dekan dan ahli-ahli Mesyuarat Pengurusan Eksekutif. Perbincangan juga akan dibangkitkan dengan kakitangan berkaitan (contohnya Polis Bantuan) semasa Mesyuarat Pengurusan Dalaman untuk tindakan selanjutnya.

Semasa tempoh PKP COVID-19 diadakan mesyuarat dalam talian yang diadakan antara Dekan, Timbalan Dekan, Ketua Pusat Pengajian dan semua pelajar (kehadiran wajib wakil pelajar) untuk mengemaskini situasi akademik semasa. Pelajar juga berkongsi isu akademik dan bukan akademik, kesukaran dan kebimbangan mereka sepanjang tempoh PKP.

#### **SENARAI BUKTI :**

## **1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)**

Kepimpinan Kanan menggerakkan jabatan-jabatan di bawah seliaan dengan KPI spesifik semasa MCO/EMCO dan juga pengemaskinian KPI CSPI Fakulti Pergigian secara berkala. Non-denominators turut dipanggil bersemuka *onsite*/atas talian untuk mengenalpasti status non-denominator dan juga kaedah untuk mencapai bidang tumpuan tersebut.

### **SENARAI BUKTI :**

## **KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK**

### **2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Tenaga akademik Fakulti Pergigian dibahagikan kepada Pusat Pengajian (CoS) yang berkaitan dengan kepakaran setiap pensyarah. Melalui mesyuarat Pusat Pengajian, mereka boleh menyuarakan pandangan mereka mengenai hal-hal akademik dan apa-apa isu yang berkaitan dengan kurikulum. *Resource Person* (RP) atau Penyelaras bagi setiap kursus turut menjadi ahli Jawatankuasa Kurikulum. Mereka bertanggungjawab terhadap pembangunan dan penyelenggaraan kurikulum. Matlamat Fakulti, visi, misi dan unjuran pengajaran diluluskan dalam mesyuarat JAF, diikuti oleh JKIKU dan LPU/Senat. Setiap CoS berbincang di mesyuarat lembaga pengajian ( *Board of Studies*) dalaman dan luaran sebelum dikemukakan kepada JAF dan JKIKU. Semua pensyarah dikehendaki menjalankan kuliah mengikut fail kursus sepertimana yang disarankan dan menyokong hasil pembelajaran para pelajar. Kaedah pengajaran-pembelajaran yang ditulis dalam fail kursus adalah sebagai panduan untuk semua pensyarah mengikut kandungan, dan pendekatan yang dinyatakan.

## 2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran selaras dengan kurikulum, FD mengamalkan amalan universiti standard:

- a. Pelantikan PPP dan Penyelaras untuk menyelaras pengajaran dan pembelajaran dalam kursus masing-masing
- b. PROPENS untuk memantau kaedah penghantaran mengikut yang dirancang
- c. CDL-CQI untuk memantau dan meneliti pelaksanaan kurikulum OBE-SCL di bawah Jawatankuasa NOBLE.
- d. Semua program telah disemaksemula kepada format OBE yang ditetapkan oleh HEA. Program-program ini telah diperiksa oleh HEA dan diiktiraf selanjutnya oleh MQA selaras dengan domain LO yang dinyatakan di bawah MQF dan MoHE kemahiran insaniah.

Setiap CoS disarankan menggunakan medium yang sewajarnya untuk menjalankan aktiviti-aktiviti komuniti samada di Fakulti, di Komuniti dan juga atas talian sejak Mac 2020. Hasil daripada pendekatan ini serta *level-up* dengan kerjasama badan-badan kerajaan dan juga NGO dapat memperlihatkan hasil bagi bidang tumpuan alumni,, komuniti dan sukarelawan.

### **SENARAI BUKTI:**

### **2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

Pelan strategik telah digariskan untuk memastikan program-program ini dijalankan secara mampan dan sejajar dengan *Dental Programme Standards* program prasiswazah dan pascasiswazah semasa, komuniti dan keperluan Negara.

Usaha-usaha ini termasuklah:

- i. Pembangunan Lembaga Pengajian (*Board of Studies*) Dalaman dan Luaran, dan kajian semula berkala oleh ahli akademik, pemegang kepentingan (*stakeholders*) dan pelajar
- ii. Penandaarasan kebangsaan dan antarabangsa
- iii. Pembangunan sumber manusia
- iv. Reka bentuk kemudahan - *Onsite* dan juga atas talian
- v. Hubungan luar (*External linkages*)

Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan dan Maklumat Strategik (JPMS) diadakan sekurang-kurangnya dua kali setahun, dengan kajian semula dilakukan empat kali setahun.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [Foof for Charity 2020 - SMF-DFTN .pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Aktiviti-aktiviti yang berkisarkan akademik dibincangkan di mesyuarat CoS dan juga JAF. Tempoh PKP yang berlanjutan mematahkan aktiviti bidang tumpuan dan banyak aktiviti ditukarkan ke medium atas talian seperti yang dilaporkan dalam hasil-hasil utama kami,

### **SENARAI BUKTI:**

## 2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Bagi pelajar pascasiswazah, wakil kelas dan pembantu dipilih mengikut kohort. Sementara itu, kelab pelajar pascasiswazah yang diketuai oleh Pengerusi dan Pembantunya telah disahkan sebagai medium komunikasi di luar aktiviti pengajaran dan pembelajaran formal. Wakil pelajar yang dilantik boleh melaporkan kepada Timbalan Dekan dan/atau Penyelaras Pascasiswazah dan/atau *Postgraduate Director* untuk sebarang urusan akademik dan bukan akademik.

Fakulti juga mempunyai 2 orang wakil pelajar yang dipilih melalui proses Pemilihan Rasmi Universiti. Dari keputusan pemilihan ini, kedua-dua pelajar ini dilantik sebagai ahli Majlis Perwakilan Pelajar (Majlis Perwakilan Pelajar, MPP). Kedua-dua pelajar ini berhubung terus dengan Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni untuk menyuarakan hal ehwal pelajar.

Aktiviti-aktiviti bidang tumpuan terpilih berlandaskan juga penglibatan dalam program akademik dan juga persatuan-persatuan pelajar di bawah seliaan warga Fakulti. Ini termasuk DENSA (Persatuan Pelajar Pergigian), SMF (Sekretariat Mahasiswa Fakulti). Persatuan mempunyai ahli Majlis tersendiri yang, dipilih semasa mesyuarat AGM yang diadakan setiap tahun. Persatuan-persatuan mengadakan mesyuarat tetap bersama Penasihatnya (dilantik oleh Fakulti).

Terdapat juga pelajar yang mewakili Universiti dalam Persatuan Pelajar Pergigian Malaysia. Wakil ini dipilih oleh ahli-ahli UiTM-MDSA. Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni yang berkomunikasi secara langsung dengan Wakil Tahun Pelajar, wakil Pascasiswazah, MPP, Presiden DENSA, Presiden SMF dan Wakil Universiti UiTM-MDSA, akan melaporkan sebarang kemusykilan dan isu kepada Dekan semasa Mesyuarat Pengurusan Eksekutif. Perbincangan juga akan dibangkitkan dengan kakitangan berkaitan (contohnya Polis Bantuan) semasa Mesyuarat Pengurusan Dalaman untuk tindakan selanjutnya.

Semasa tempoh PKP COVID-19, mesyuarat dalam talian yang diadakan antara Dekan, Timbalan Dekan, Ketua Jabatan dan semua pelajar (kehadiran wajib wakil pelajar) untuk mengemaskini situasi aktiviti akademik mereka yang seringkali ditangguhkan. Antara aktiviti-aktiviti ini melibatkan *Mobile Dental Clinic* dan juga aktiviti Kesihatan Pergigian disebabkan kenaikan kes COVID-19 semasa dan juga risiko tinggi kepada pelajar, tenaga pengajar yang menyelia dan staf terlibat. Ramai staf dan pelajar berdaftar dengan badan-badan sukarelawan sebagai alternatif.

### **SENARAI BUKTI :**

### **2.4.3 MENGAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)**

Kajian semula dan tindakan penambahbaikan dijalankan di Mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum Pascasiswazah dan juga di Mesyuarat Jawatankuasa Akademik Fakulti. Kesemua aktiviti bidang tumpuan yang berlandaskan akademik dan juga di luar akademik dikemukakan agar ahli-ahli mesyuarat jelas dan dapat turut membantu berkongsi maklumat yang sahih berkenaan aktiviti-aktiviti tersebut. Ini lebih-lebih lagi apabila aktiviti ditukarkan atas talian dan menjadi norma baru serata dunia, dan jaringan yang tidak stabil menjadi masalah kepada pelaksana dan juga peserta.

#### **SENARAI BUKTI :**



## 2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Kepimpinan kanan menyarankan aktiviti-aktiviti dipanjangkan secara *Regional Outreach*. Ini dapat dilihat melalui aktiviti-aktiviti komuniti *Onsite* dan juga talian melalui badan profesional pergigian kebangsaan, ASEAN, Asia dan di peringkat antarabangsa. Sepanjang PKP, sebahagian aktiviti-aktiviti yang dijadualkan telah berlangsung dalam keterbatasan yang muncul. Namun demikian, dapat mencapai objektif dan inisiatif strategik bidang tumpuan.

Pasukan Korporat Pergigian menyelia dan turut mempromosikan kejayaan FD, serta maklumat eksklusif FD kepada orang ramai dan warga universiti. Maklumat dan berita-berita eksklusif dikongsi melalui laman web, dan media sosial berdasarkan garis panduan yang digambarkan oleh <https://korporat.uitm.edu.my/main/index.php/publications/uitm-bckk-manuals>.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [Freemarket Kuala Woh 2020.pdf](#)

## **KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN**

### **3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Bagi aktiviti-aktiviti melibatkan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan, **PELANGGAN** boleh dibahagikan kepada empat (4) kategori iaitu **Pelanggan Misi** Ibumama/Penjaga, Penaja Pelajar, Kementerian Pendidikan Malaysia dan UiTM; **Pelanggan Proses** Peserta yang berdaftar dan mengikuti aktiviti-aktiviti bidang tumpuan; **Pelanggan Dalam** Ahli jawatankuasa dan sukarelawan yang berkhidmat sepanjang perancangan dan pelaksanaan aktiviti; **Pelanggan Luar** Universiti, Masyarakat, Industri dan Agensi Kerajaan yang berkepentingan di dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan.

Hasil ekoran penganjuran dan pelaksanaan aktiviti-aktiviti bidang tumpuan dapat dibahagikan seperti di bawah:

- i. Penglibatan staf akademik/bukan akademik dan pelajar dalam aktiviti di peringkat kebangsaan, global dan penglibatan pelbagai bangsa.
- ii. Satu hasil inovasi (eg kaedah perkongsian kesihatan mulut atas talian/*Tobacco Cessation Monitoring* atas talian) yang dapat digunapakai oleh masyarakat tempatan dan global.
- iii. Kolaborasi di antara akademia (UiTM) dengan industri, badan-badan profesional dan sukarelawan yang berkepentingan
- iv. FD dapat menjana pendapatan melalui pembiayaan, fasiliti dan endowmen untuk aktiviti-aktiviti yang terbukti memberi impak kepada pelanggan-pelanggannya (eg geran IDC MR untuk *Outreach* - Kem Kesihatan Pergigian).

### **3.2 PENDEKATAN (APPROACH)**

#### **Penentuan Keperluan Yang Berkaitan Dengan Aktiviti-aktiviti Bidang Tumpuan**

Ahli jawatankuasa aktiviti-aktiviti bidang tumpuan disarankan mengenalpasti keperluan pelanggan yang nyata dan tidak nyata berkaitan dengan penyediaan yang merangkumi perkara-perkara berikut:-

- a) Perancangan aktiviti-aktiviti bidang tumpuan (akademik/bukan akademik)
- b) Perancangan dan penyemakan keperluan aktiviti
- c) Promosi aktiviti
- d) Pendaftaran peserta aktiviti
- e) Penilaian semula pelaksanaan aktiviti melalui maklumbalas pelanggan
- f) Pemantauan dan pengukuran pelanggan
- g) Memenuhi keperluan perundangan dan peraturan dari KPT, JPA, MQA dan pihak yang berkepentingan yang berkaitan dengan aktiviti yang dilaksanakan.
- h) ketetapan dan syarat-syarat lain, jika ianya berkepentingan kepada Fakulti dan UiTM.

#### **SENARAI BUKTI:**

### **3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

#### **Komunikasi Dengan Pelanggan**

Kepentingan Prestasi Aktiviti bergantung kepada bagaimana ahli jawatankuasa aktiviti menentukan dan melaksanakan cara berkomunikasi yang berkesan dengan pelanggan mengenai:-

- a) Maklumat aktiviti
- b) Pertanyaan, pengendalian kontrak atau tempahan juga pindaan untuk pelaksanaan aktiviti dengan pihak-pihak yang berkaitan
- c) Maklumbalas Pelanggan

#### **SENARAI BUKTI :**

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Ahli jawatankuasa disarankan mengadakan semakan berkala dan mengelakkan pelaksanaan *last minute* untuk:-

- a) Menilai samada aktiviti yang dilaksanakan memenuhi keperluan pelanggan yang telah ditetapkan
- b) Mengenalpasti masalah dan mencadangkan tindakan yang sesuai bagi mengatasi masalah berkenaan.
- c) Mengenalpasti dan mencadangkan tindakan penambahbaikan yang sesuai.

Ahli Jawatankuasa aktiviti perlu mempunyai integriti untuk memantau setiap peringkat dan fungsi yang berkaitan dengan rekabentuk dan pembangunan aktiviti yang disemak. Hasil penyemakan dan tindakan yang diambil hendaklah direkodkan dan disimpan.

### **SENARAI BUKTI:**

### **3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)**

Ahli jawatankuasa disarankan menyediakan perantara bagi kemudahan komunikasi yang terancang dan berkesan dengan pelanggan melalui:-

- a) Helaiian/Brosur aktiviti
- b) Pamphlet dan poster
- c) Mesyuarat dan pembentangan
- d) Surat menyurat dan memo
- e) Borang aduan atau cadangan dan maklumbalas pelanggan.

Kaedah mengenalpasti risiko sering dijalankan tetapi simpanan rekod tindakan pencegahan atau pembetulan perlu dikemaskinikan sebagai rujukan masa hadapan.

#### **SENARAI BUKTI :**

### **3.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)**

Ahli jawatankuasa senantiasanya disarankan mengkajisemula keperluan yang berkaitan dengan produk. Kajisemula ini hendaklah dilakukan sebelum ahli jawatankuasa membuat komitmen untuk membekalkan perkhidmatan kepada pelanggan dengan memastikan bahawa:-

- a) Keperluan aktiviti dikenalpasti.
- b) Sebarang perubahan kepada keperluan yang telah dinyatakan, diambil tindakan pembetulan dan diatasi.
- c) Ahli jawatankuasa aktiviti-aktiviti bidang tumpuan berupaya untuk memenuhi keperluan yang dinyatakan.

#### **SENARAI BUKTI :**

### **3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)**

Ahli jawatankuasa aktiviti-aktiviti disarankan memastikan semua hasil semakan dan tindakan dari kaji semula akan direkod dan diselenggarakan. Di mana terdapat keperluan yang dinyatakan tidak didokumenkan oleh pelanggan, pihak FPG akan mengesahkan keperluan tersebut sebelum penerimaan.

#### **SENARAI BUKTI :**



## **KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN**

### **4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Pengurusan Fakulti Pergigian merancang dan melaksanakan proses pemantauan, pengukuran, analisa dan penambahbaikan yang diperlukan untuk menunjukkan keakuran kepada keperluan produk, memastikan keakuran kepada bidang Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan. Penambahbaikan secara berterusan turut dijalankan bagi mencapai keberkesanan aktiviti-aktiviti bidang tumpuan. Pengurusan FD juga disarankan mengenalpasti kaedah menganalisis data secara berkesan bagi mengesan kelemahan yang terdapat dalam pelaksanaan aktiviti-aktiviti di bawah akademik dan bukan akademik dengan tujuan melaksanakan penambahbaikan yang berterusan.

## **4.2 PENDEKATAN (APPROACH)**

Ahli jawatankuasa aktiviti-aktiviti bidang tumpuan disarankan menyediakan kaedah bagi mendapat dan mengukur persepsi pelanggan terhadap perkhidmatan aktiviti-aktiviti serta program yang ditawarkan dan dihasilkan oleh Fakulti. Pemantauan dan pengukuran kepuasan pelanggan hendaklah dibuat berasaskan Borang Penilaian Peserta, Aduan atau Maklumbalas Pelanggan, dialog bersama semasa keberlangsungan program. Sebarang aduan atau cadangan perlu dikajisemula untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti yang lebih *focus specific* kepada pelanggan.

### **SENARAI BUKTI:**

### **4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

#### **Pemantauan dan Pengukuran Proses**

Warga FD disarankan menggunakan kaedah yang sesuai untuk menjalankan pemantauan dan pengukuran ke atas proses aktiviti-aktiviti bidang tumpuan. Kaedah yang digunakan hendaklah menunjukkan keupayaan proses untuk mencapai hasil yang dirancangkan. Sekiranya hasil yang dirancang tidak tercapai, pembedahan dan tindakan pembedahan hendaklah diambil bagi memastikan pematuhan kepada perancangan yang ditetapkan.

#### **SENARAI BUKTI :**

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Warga FD disarankan memantau dan mengukur ciri-ciri aktiviti-aktiviti bidang tumpuan bagi mengesahkan aktiviti yang telah memenuhi keperluan yang ditetapkan. Kriteria bagi setiap aktiviti yang dimaksudkan merujuk kepada parameter-parameter berikut:-

- a) memenuhi keperluan Peraturan Akademik Universiti.
- b) memenuhi piawaian yang ditetapkan oleh pihak yang berkaitan seperti KPT, MQA, Badan Profesional, *Stakeholders* dan juga Majlis Keselamatan Negara (MKN) dalam tempoh pandemik.

### **SENARAI BUKTI:**

#### **4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)**

Warga FD yang menjalankan aktiviti-aktiviti bidang tumpuan disarankan mewujudkan prosedur bagi memastikan aktiviti yang tidak memenuhi spesifikasi sebagaimana yang ditetapkan di setiap peringkat proses dikenalpasti untuk tindakan pembedahan. Aktiviti tersebut hendaklah disemak atau diuji semula dan disahkan bagi memastikan ianya memenuhi keperluan pelanggan-pelanggan (staf/pelajar/orang awam/kementerian/badan-badan profesional perundangan dan sebagainya) sebelum diterima mengikut kaedah yang ditetapkan.

Penentuan tindakan pembedahan yang diambil perlu bersesuaian dan berkesan. Sebarang rekod-rekod mengenai jenis ketidakakuratan dan sebarang tindakan pembedahan yang diambil serta keberkesanannya direkodkan dan disimpan oleh pelaksana aktiviti-aktiviti tersebut

#### **SENARAI BUKTI :**

#### **4.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)**

Ahli jawatankuasa aktiviti disarankan menentukan, mengumpul dan menganalisis data yang sepatutnya untuk menunjukkan kesesuaian dan keberkesanan aktiviti-aktiviti bidang tumpuan. Ini merangkumi data yang terhasil, contohnya: maklumbalas pelanggan, data prestasi pencapaian pelajar dalam aktiviti tersebut, dan data penilaian pelajar. Data hendaklah dianalisis bagi memastikan tindakan pembetulan dan penambahbaikan berterusan adalah berkesan ke atas aktiviti-aktiviti bidang tumpuan di sektor ekonomi dan juga keperluan akademik, sahsiah dan pembangunan sendiri ahli-ahli yang terlibat.

Analisa data melibatkan maklumat berikut :-

- a) Tahap kepuasan pelanggan (SuFO - Pelajar) untuk aktiviti berlandaskan kursus akademik
- b) Tahap kepuasan pelanggan - peserta aktiviti-aktiviti bidang tumpuan
- c) Ciri-ciri dan tren proses dan produk termasuk peluang untuk langkah pencegahan dibincangkan dan direkodkan untuk pelaksanaan masa depan

#### **SENARAI BUKTI :**

#### **4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)**

Seperti yang disarankan di peringkat kepimpinan kanan dalam proses akademik dan pentadbiran, proses bagi aktiviti-aktiviti bidang tumpuan kerap kali diseliasa dan dibincangkan di tahap Pasukan Pelaksana atau di tahap CoS, Fakulti, Persatuan. Aktiviti-aktiviti dengan penglibatan luar turut dijalankan sedemikian.

Warga FD disarankan mendokumenkan prosedur tindakan pencegahan untuk mengenalpasti keperluan bagi perkara-perkara berikut:-

- a) Kemungkinan berlakunya sesuatu permasalahan/ketidakpatuhan serta punca-puncanya.
- b) Menilai keperluan untuk menghalang kemungkinan berlakunya sesuatu permasalahan.
- c) Menenalpasti, merancang dan melaksanakan tindakan pencegahan yang diperlukan.
- d) Merekod semua keputusan berkaitan dengan tindakan pencegahan yang telah diambil.
- e) Mengkaji semula keberkesanan tindakan pencegahan yang telah dilaksanakan.

Kaedah pencegahan seperti ini dapat menjaga ketelusan aktiviti serta penggunaan kewangan yang berkesan dapat diselenggarakan untuk aktiviti-aktiviti ulangan atau lain di masa hadapan.

#### **SENARAI BUKTI :**

## **KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA**

### **5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Pelaksanaan sebarang aktiviti yang melibatkan komuniti, kesukarelawanan dan alumni adalah berdasarkan keperluan untuk mencapai matlamat aktiviti-aktiviti tersebut. Perancangan aktiviti dan pelaksanaan aktiviti hendaklah mampan dan aktiviti dapat dilaksanakan secara berkala seiring dengan keperluan pelanggan dalam, komuniti dan kebangsaan.

- i. Development of internal and external Board of Studies, and periodical review by academics, stakeholders and students
- ii. Penandaarasan kebangsaan dan antarabangsa
- iii. Pembangunan sumber manusia secara berkala (nisbah keperluan:perkhimatan)
- iv. Hubungan luar (*External linkages*) eg badan-badan profesional, intra-Universiti, inter-Universiti di peringkat kebangsaan dan antarabangsa

Namun demikian, keberlangsungan aktiviti-aktiviti bidang tumpuan bergantung juga kepada nisbah urusan tugas hakiki lain di klinik dan juga pentadbiran. *Multitasking* merupakan habit staf, pelajar dan alumni FD. Seringkali sumber manusia terjejas apabila staf/pelajar berada di dalam kuarantin.



## **5.2 PENDEKATAN (APPROACH)**

Pelaksanaan aktiviti-aktiviti bidang tumpuan disarankan memastikan bahawa semua staf yang melaksanakan tugas memberi kesan keakuran kepada keperluan perkhidmatan adalah cekap, mahir, berpengalaman dan terlatih bagi menjamin kualiti kerja samada secara langsung atau tidak langsung dalam pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang dirancang. Semua keperluan sumber manusia adalah dirancang mengikut kaedah yang ditetapkan oleh ahli jawatankuasa aktiviti-aktiviti yang dirancang.

Penglibatan staf atau pelajar dalam aktiviti sukarelawanan di luar Fakulti atau UiTM perlu akur akan perundangan Universiti. Sebarang penglibatan dalam aktiviti berisiko tinggi seperti di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) dan Pusat Penilaian COVID-19 (CAC) perlu mendapat kebenaran Naib Canselor terlebih dahulu.

### **SENARAI BUKTI:**

### **5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

Penglibatan dalam aktiviti-aktiviti bidang tumpuan secara *onsite* atau atas talian perlu diperluaskan dengan lancar. Ini dapat dijamin sekiranya ahli jawatankuasa tertinggi aktiviti tersebut dapat:

- a) Memastikan semua ahli jawatankuasa aktiviti yang memberi kesan keakuran kepada keperluan perkhidmatan mempunyai kecekapan yang diperlukan samada melalui kelayakan, kemahiran dan pengalaman yang diperlukan untuk melaksanakan tugas, serta mematuhi ketetapan aktiviti, Fakulti dan UiTM.
- b) Memastikan semua ahli jawatankuasa aktiviti diberi latihan dalam bidang pengkhususan dan lain-lain bidang yang berkaitan sekiranya perlu sebelum aktiviti dijalankan.
- c) Menilai keberkesanan latihan yang diberikan di (a) dan (b) di atas.
- d) Memastikan ahli jawatankuasa aktiviti mempunyai kesedaran yang tinggi akan tugas-tugasnya dan memberi keutamaan dalam pencapaian Objektif aktiviti-aktiviti tersebut.
- e) Menyelenggara rekod pendidikan, latihan, kemahiran, dan pengalaman ahli jawatankuasa aktiviti yang terlibat.

#### **SENARAI BUKTI :**

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Sumber manusia terlibat dalam fasa *total lockdown* dan jua kembali berkhidmat di Fakulti semasa peningkatan kes COVID-19. Pengurusan atasan FD perlu sentiasa memaklumkan kepada warga Fakulti yang bertugas agar mengikut SOP semasa berdasarkan Universiti dan Majlis Keselamatan Negara (MKN). Pelaksanaan aktiviti-aktiviti bidang tumpuan dapat dijalankan dengan lancar apabila deskripsi tugas dan tanggungjawab individu digariskan dan diberi panduan secara berterusan.

Penglibatan di aktiviti-aktiviti berisiko tinggi di bawah UiTM menyediakan khidmat rawatan sekiranya kemalangan atau mengalami jangkitan semasa bertugas. SOSHCo/OSHA bagi aktiviti-aktiviti tersebut digariskan dan individu terlibat sedar akan Garis Panduan tersebut. Staf dan pelajar yang terlibat juga sedar akan jadual pengajaran dan pembelajaran yang ditetapkan dan keakuran terhadap tugas hakiki diberi prioriti khusus.

### **SENARAI BUKTI:**

#### **5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)**

Seperti yang tertulis di 5.4.2, sumber manusia FD ada juga yang cuti kuarantin dan tidak dapat berkhidmat dalam urusan tugas hakiki. Kebenaran menyertai aktiviti-aktiviti bidang tumpuan yang berisiko tinggi adalah berdasarkan jadual kerja semasa dan status vaksinasi individu tersebut. Garis panduan bertugas juga adalah berlandaskan Pekeliling Naib Canselor dan Majlis Keselamatan Negara (Mac 2020 sehingga kini).

#### **SENARAI BUKTI :**

### 5.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

*Near Miss* sebagai kontak rapat adalah lumrah kehidupan personnel perigian yang berkhidmat secara dekat dengan pesakit. Sumber manusia yang terlibat di dalam aktiviti-aktiviti bidang tumpuan *onsite* dinasihatkan berulang kali untuk mengikut SOP dan Garis Panduan semasa. Tindakan penambahbaikan UiTM termasuk saranan Saringan COVID-19 harian dilaksanakan dan SOSHCo FD senantiasa bersedia menasihati individu-individu yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti risiko tinggi ataupun yang menjadi Kontak Rapat.

Penyelenggaraan sumber manusia FD berterusan oleh pihak pentadbiran walaupun bekerja dari rumah. Namun demikian, dengan pertanggungjawaban sesi klinikal pelajar-pelajar perigian di semua peringkat dan jua SOP klinikal sepanjang COVID-19 memperlihatkan keperluan tambahan staf klinikal agar mengelakkan *burnt out* di kalangan staf sedia ada. Saranan penggiliran jadual yang dilakukan semasa *MCO* tidak dapat dilaksanakan apabila semua pelajar-pelajar kembali ke sesi klinikal kelak. Pertambahan staf klinikal juga perlu sepertimana SOP klinikal yang mewajibkan pemakaian PPE dan menghadkan pergerakan individu di dalam klinik. Penyelenggaraan sanitasi kubikel klinikal serta memantau pelajar-pelajar mengikut SOP adalah tanggungjawab pensyarah perigian dan juga staf klinikal. Ini juga di samping bertugas di Klinik-klinik pakar.

#### **SENARAI BUKTI :**

## 5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Sepanjang 2020 dan 2021, integrasi sumber manusia digerakkan melalui penghargaan secara atas talian dan juga kurniaan anugerah **Staff of the Month** dan **Team of the Month**. Ketelusan kurniaan anugerah **Team of the Month** dapat diperlihatkan apabila anugerah hanya diberikan apabila ada pensyoran dan undian warga Fakulti diambilira. Kurniaan anugerah **Staff of the Month** disyorkan di Mesyuarat JAF dan undian dibuat sewajarnya.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [Corporate Blast - APC 2020.pdf](#)

## **KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI**

### **6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Tumpuan Operasi Fakulti Pergigian perlu diwujudkan bagi memastikan satu Sistem Pengurusan Kualiti dapat dibentuk, didokumen, dilaksana dan diselenggara dengan cekap dan berkesan yang juga merangkumi penambahbaikan berterusan yang berkesan selaras dengan kehendak pelanggan dan keperluan piawaian ISO 9001:2008 dan COPIA. Ini adalah penting untuk melancarkan perancangan dan juga pelaksanaan aktiviti-aktiviti komuniti, kesukarelawan dan alumni FD.

Sistem Pengurusan Kualiti yang mampan akan melancarkan aktiviti-aktiviti bidang tumpuan. Ahli-ahli jawatankuasa bagi setiap aktiviti disarankan:-

- a. Mengenalpasti proses yang diperlukan dalam aktiviti pilihan dan memastikan perlaksanaannya.
- b. Menentukan turutan dan hubungkait di antara proses.
- c. Menentukan kriteria dan kaedah yang diperlukan bagi menilai operasi dan kawalan yang berkesan ke atas proses.
- d. Memastikan terdapat sumber dan maklumat yang diperlukan bagi menyokong operasi dan pemantauan proses termasuk proses khidmat luar (*outsourced*).
- e. Memantau, mengukur (di mana perlu) dan menganalisa proses.
- f. Melaksanakan tindakan-tindakan yang perlu untuk mencapai keputusan yang telah dirancang dan penambahbaikan berterusan ke atas proses.

Ahli jawatankuasa perlu sedar akan proses pengurusan dan operasi yang merangkumi penyediaan dan pengendalian aktiviti pilihan serta jaringan industri masyarakat. Ini adalah perlu bagi mengenalpasti, memahami dan memenuhi kehendak pelanggan sebelum pelaksanaan aktiviti.

## 6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Tumpuan operasi FD bukan hanya berkisar *top down approach* tetapi melibatkan *holistic approach* untuk inisiatif setiakawan di kalangan kakitangan akademik dan bukan akademik. Semangat setiakawan dan dedikasi di kalangan ahli jawatankuasa aktiviti-aktiviti bidang tumpuan akan meringankan proses perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Keberkesanan aktiviti turut dapat dipersembahkan apabila emosi dan mental individu-individu terlibat tidak terjejas.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [Kriteria Tumpuan Operasi - PDCA.pdf](#)



### **6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

Pendekatan tumpuan operasi Fakulti Pergigian adalah berdasarkan model PDCA yang dikongsikan. Keberkesanan aktiviti boleh dijangka dan dinilai melalui proses-proses kerja seperti yang disenaraikan. Aktiviti-aktiviti kelolaan UiTM menggunakan model PDCA yang serupa dengan tambahan/pengurang proses kerja yang sewajarnya.

Bagi penglibatan dengan agensi luar, staf/pelajar sedar perlu mendapatkan kelulusan permohonan *locum* (melakukan tugas di luar) atau cuti rehat. Permohonan perlu juga mendapatkan kelulusan Dekan dan Naib Canselor, terutamanya bagi penglibatan dalam aktiviti-aktiviti yang berisiko tinggi.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [Kriteria Tumpuan Operasi - PDCA.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Dalam pelaksanaan keberkesanan aktiviti, sebarang perubahan yang perlu dilakukan hendaklah dilakukan demi kelangsungan penambahbaikan proses. Prestasi aktiviti tersebut dapat diperolehi apabila *Pilot Project* dijalankan terlebih dahulu. Perubahan besar seperti pertandingan debat atau pidato atas talian dapat dinilai melalui *Pilot Project* di antara pelanggan dalam sebelum dipaparkan dalam aktiviti yang dirancang dengan penglibatan agensi luar atau orang awam.

### **SENARAI BUKTI:**

#### **6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)**

Mengenalpasti risiko merupakan norma semasa pengendalian *Tobacco Cessation Programme* dan juga PPV UiTM Puncak Alam. Sebagai key playmakers ie Pakar Kesihatan Awam Pergigian yang telah diiktiraf as *MQuit Smoking consultants*, kehadiran pesakit adalah terbatas semasa pandemik kerana kelulusan KPT dan MKN untuk menjalankan sesi klinikal semasa MCO/EMCO. Oleh yang demikian, kaedah pemantaun pesakit diubah untuk memastikan pesakit tidak ketinggalan dan masih mendapat rawatan sepanjang MCO. Penglibatan di PPV turut memerlukan kecenderungan dan kecekalan hati untuk menjawab pertanyaan penerima vaksin dan juga memastikan penerima vaksin akan hadir ke temujanji seperti yang dijadulkan di aplikasi MySejahtera. Mengenalpasti penerima vaksin yang tidak dapat hadir atas sebab keupayaan sendiri ataupun menjaga ahli keluarga yang kurang upaya atau sakit, mencetuskan Unit Vaksin Mobil agar penerima-penerima vaksin ini tidak ketinggalan.

#### **SENARAI BUKTI :**

### **6.4.3 MENGAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)**

Aktiviti-aktiviti yang berkala dan sentiasa berulang, dipantau dan ditambahbaik secara berkala berdasarkan maklumbalas pelanggan dan juga pelaksana aktiviti. Bagi aktiviti-aktiviti *one-off*, tindakan penambahbaikan diambil untuk mengekalkan prestasi yang tinggi dan juga memperbaiki kekurangan semasa aktiviti terdahulu. Kelangsungan aktiviti turut berkisar sekiranya tumpuan operasi terjejas akibat caruman kewangan yang sedia ada. Oleh itu, ahli jawatankuasa aktiviti dan juga warga FD perlu sedar akan penetapan budget yang diberikan kepada aktiviti pilihan. Sekiranya, kos melebihi budget sedia ada, percaturan perlu dibuat supaya keberkesanan aktiviti tidak terjejas.

#### **SENARAI BUKTI :**

## **6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)**

### **Komitmen Pengurusan Atasan FD dan Ahli Jawatankuasa Tertinggi**

Pihak pengurusan tertinggi perlu membuktikan pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti [ISO 9001: 2015] FD, dan sentiasa berusaha secara berterusan untuk menambahbaik sistem bagi menjamin keberkesanannya dengan :-

- a) Memastikan semua ahli jawatankuasa memahami dan menghayati betapa pentingnya kehendak pelanggan dipenuhi serta, keperluan perundangan dan peraturan dipatuhi.
- b) Mewujud dan meluluskan objektif bagi aktiviti pilihan.
- c) Mengadakan Mesyuarat Kaji Semula (*Post-Mortem*) bagi menyemak dan memantau prestasi aktiviti pilihan.
- d) Memastikan sumber yang perlu untuk pelaksanaan aktiviti bidang tumpuan adalah mencukupi berdasarkan *Programme Standard*, panduan Fakulti/Universiti, Majlis Keselamatan Negara.

### **SENARAI BUKTI :**

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.1 HASIL UTAMA 1**

SUKARELAWAN STAF, PELAJAR DAN ALUMNI DI PUSAT PEMBERIAN VAKSIN PROGRAM IMUNISASI COVID-19 KEBANGSAAN 2021

#### **7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Fakulti Pergigian, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Sungai Buloh, Selangor telah terlibat secara langsung dan juga secara tidak langsung dalam perkhidmatan komuniti untuk membendung penyebaran SARS-CoV-2 coronavirus seiring dengan hasrat kerajaan dan rakyat Malaysia sepanjang pandemic ini. Para sukarelawan warga Fakulti termasuk pelajar dan Alumni turut menyumbang dalam Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) 2021 – *Surge Capacity* di Lembah Klang, di Pusat Penilaian COVID-19 dan juga program-program kesihatan di bawah Fakulti, dan juga badan-badan sukarelawan MyVAC, Kementerian Belia dan Sukan, MERCY Malaysia dan IMARET (*IMAM Response & Relief Team*).

Fakulti turut terlibat secara langsung di dalam penganjuran program sukarelawan di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Mega, di bawah PICK 2021 yang bertempat di Dewan Berlian, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Puncak Alam, Selangor. Program ini telah disertai oleh para sukarelawan yang terdiri dari staf-staf fakulti (pensyarah, staf klinikal dan staf pentadbiran akademik), pelajar dan juga alumni Fakulti Pergigian. Selain itu, turut terlibat adalah terdiri dari warga Fakulti Perubatan, Fakulti Farmasi dan Fakulti Sains Kesihatan Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Mega PPV UiTM Puncak Alam telah bermula pada 9 Jun 2021 dan berlangsung selama dua (2) bulan sehingga 27 Julai 2021. Keberlangsungan Mega PPV ini turut bertujuan untuk menyokong hasrat kerajaan bagi memastikan hampir keseluruhan warganegara Malaysia atau warga asing yang berdaftar secara sah di Malaysia mendapat suntikan vaksin seterusnya mencapai *herd immunity* bagi pencegahan penyakit COVID-19. Para sukarelawan bertindak sebagai petugas barisan hadapan (*frontliners*) dalam memberikan suntikan vaksin. Selain itu, ia merupakan satu inisiatif mobilisasi sukarelawan untuk membantu para '*frontliners*' dalam urusan penyampaian vaksin kepada penerima. Para sukarelawan menjadi pemudahcara urusan penyampaian vaksin di PPV.

Antara skop tugas perkhidmatan yang telah dijayakan oleh para staf, pelajar dan alumni Fakulti Pergigian UiTM terdiri daripada sukarelawan kesihatan dan sukarelawan bukan kesihatan. Bagi sukarelawan kesihatan (terdiri daripada para pensyarah dan sebahagian besar staf klinikal). Skop tugas melibatkan konsultasi vaksin COVID-19, vaksinator dan pemantau/pengawal pusat pemerhatian di '*sickbay*'/kecemasan. Manakala, skop tugas sukarelawan bukan kesihatan (terdiri daripada para pelajar dan alumni Fakulti) melibatkan saringan gejala suhu, verifikasi temujanji, pendaftaran dan pengawalan ruang menunggu seiring dengan SOP norma baharu di Zon Merah.

Kesemua para staf, pelajar dan alumni Fakulti Pergigian UiTM yang terlibat telah pun menerima dua dos suntikan vaksin sebelum dibenarkan untuk menjadi sukarelawan di PPV UiTM Puncak Alam. PPV UiTM Puncak Alam telah dibekalkan dengan vaksin Sinovac-CoronaVac (COVID-19) keluaran syarikat Sinovac Biotech Ltd yang berpangkalan di China.

Dengan semangat dedikasi yang tinggi, para sukarelawan Fakulti Pergigian telah berjaya memberikan perkhidmatan yang cemerlang di PPV UiTM Puncak Alam, di mana hampir sebanyak 250,000 dos suntikan vaksin telah berjaya diberikan. Sehubungan dengan itu, kami turut berdoa bahawa semangat seumpama ini dapat diteruskan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran di Fakulti apabila dibenarkan kelak. #KitaMestiMenang #KitaJagaKita

### **7.1.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [7.1.2.pdf](#)

### **7.1.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [7.1.3.pdf](#)

### **7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [7.1.4.pdf](#)

### **7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [HASIL 1 - 7.1.5 KEPENTINGAN - KAMI MEMBENDUNG COVID-19 BERSAMA.pdf](#)

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.2 HASIL UTAMA 2**

#### **SMOKING CESSATION PROGRAMME**

##### **7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

The quit smoking clinic was developed in 2016 to offer smoking cessation services to the general public, particularly to the smokers who came to the UiTM Dental Centre. This is an effort to support the National Strategic Plan for Tobacco Control and to implement one of the components of the MPOWER strategy from the WHO Framework Convention on Tobacco Control. This smoking cessation programme applies to the 'O' component of the MPOWER strategy which is 'Offer help to quit tobacco use'. Apart from offering these smoking cessation services, the Centre of Population Oral Health & Clinical Prevention Studies (CoS), Faculty of Dentistry, UiTM also has incorporated the smoking cessation module in the dental curriculum. The dental undergraduates are taught on the module as early as in Year 2 and they need to fulfill the required number of smoking cessation cases attended. Furthermore, the Dental Public Health Specialists, lecturers and the postgraduates of the CoS also receive referrals from other dental specialists for the smoking cessation service. The services offered in the quit smoking clinic include a series of interactive counselling and if needed, in combination with pharmacological therapy (nicotine replacement therapy). The smoking cessation counselling is conducted in the Oral Health Suite, UiTM Dental Centre. In addition, the CoS is also involved in the 'Tobacco Free Initiative Campus' campaign to ensure the campus grounds are free from tobacco smoke by participating in events that are organized by the campus and promoting the cause as well by giving full support to this initiative. This is to ensure the staff of the Faculty of Dentistry and the whole Sungai Buloh campus are free from tobacco smoke and creates an awareness of negative impacts of smoking on individuals and the environment. This is also to reduce the prevalence of passive smoker among the campus community. This adheres to the 'P' component of the MPOWER strategy, which is 'Protect people from tobacco smoke'. Continuous Dental Education has been delivered to address this campaign. At this point, we are fully supported financially by the faculty. However, for a more sustainable delivery of these services, our quit smoking services will be charged at a minimal cost. Currently, we have five full time teaching staff, two of them are Dental Public Health Specialists and one trainee. All of them are certified Smoking Cessation Providers. Apart from supervising the undergraduate and postgraduate students, the specialists receive referrals from the other specialities for the quit smoking services. The total number of patients who had attended the quit smoking services is approximately 587 patients from 2016 to 2021. From those who had successfully completed the three visits of the quit smoking services in 2019, around 20% have successfully quit smoking.

##### **7.2.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [7.2.2 TAHAP\(Level\).pdf](#)

##### **7.2.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [7.2.3 TREN \(Trend\).pdf](#)

##### **7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [7.2.4 \(Benchmark\).pdf](#)

##### **7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)**



BUKTI : [7.2.5 KEPENTINGAN \(Importance\) .pdf](#)

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.3 HASIL UTAMA 3**

AKTIVITI-AKTIVITI KESIHATAN PERGIGIAN DAN KESIHATAN UMUM YANG DIJALANKAN OLEH STAF, PELAJAR DAN ALUMNI

#### **7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Kesedaran dan ilmu tentang penjagaan kesihatan mulut adalah penting buat masyarakat kerana kesihatan mulut akan mempengaruhi kesihatan badan seseorang secara menyeluruh. Fakulti pergigian UiTM mengambil peranan aktif dalam menyebarkan kesedaran tentang kesihatan mulut kepada pelbagai lapisan masyarakat melalui media massa, akhbar, media sosial seperti facebook, instagram, twitter, dan juga aktiviti sukarelawan. Tirai Februari 2020 dimulakan dengan pengkongsian artikel di surat khabar Berita Harian oleh Dr. Nurul 'Izzah Mohd Sarmin berkenaan sistem imunisasi dan pencegahan virus berjangkit dengan tajuk 'Elak Komplikasi Lebih Teruk'. Pada 5 Mac 2020, Professor Madya Dr. Mas Suryalis Ahmad pula telah muncul di kaca televisyen TV3 dalam rancangan Malaysia Hari Ini dengan topik 'Katakan Aah: Jom Jaga Kesihatan Mulut'

Setelah bermulanya MCO 1.0 pada akhir Mac 2020, pensyarah-pensyarah Fakulti Pergigian tetap komited memberi maklumat kepada komuniti melalui platform online seperti webinar anjuran Fakulti atau jemputan dari agensi-agensi luar. Prof madya Dr Mas Suryalis dan Dr. Ilham Wan Mokhtar telah menjadi panel webinar 'A.S.D Oral Health Care' dengan kerjasama 'National Autism Society of Malaysia (NASOM) pada 17 Januari 2021. Mereka turut dijemput oleh Gabungan Anak Palsi Serebral (GAPS) untuk membincangkan topik 'Penjagaan Kesihatan Mulut dan Gigi untuk CP' di Facebook (FB) live pada 27 Februari 2021. Pada 28 Mac 2021, Dr. Tengku Intan Baizura Tengku Jamaluddin dan Dr. Hazymir Abdul Wahab telah ke udara dalam slot kesihatan Jamek FM secara langsung di FB dan youtube mengulas tentang 'Cleft'. Profesor Madya Dr. Annapurny A/P Venkiteswaran juga telah dijemput oleh 3M Oral Care Malaysia di instagram live bersempena Hari Kesihatan Mulut Sedunia dengan tajuk 'A child in Pain : Management of Dental emergencies' pada 22 April 2020. Program 'Selamat-Masyarakat-Ideal-Lancar-Ekuiti (SMILE) 2021' telah dijalankan bermula 2 Jun 2021 sehingga 11 Jun 2021 oleh 8 pelajar perintis doktor kesihatan pergigian awam dan 7 pensyarah fakulti pergigian UiTM yang bertemakan 'Senyum Bersama, Senyum Selamanya'. Program tersebut adalah kolaborasi bersama Program Kesihatan Pergigian (PKP), Persatuan Pakar Kesihatan Awam Pergigian Malaysia (MADPHS) dan Persatuan Pergigian Malaysia (MDA yang menghimpunkan beberapa bertujuan memberi pengetahuan tentang kesihatan mulut secara menyeluruh turut menumpukan kepada cabaran pengajaran dan pembelajaran terutamanya buat fakulti-fakulti pergigian. Program tersebut telah dirasmikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia, Tan Sri Dato' Seri Dr Noor Hisham Abdullah dan penampilan Yang Berhormat Khairy Jamaludin (Menteri Sains, Teknologi, dan Inovasi) dalam salah satu siri webinar. Julai 2021 menyaksikan perkongsian isu viral penggunaan Ivermectin oleh Ts. Dr. Nur Aliana Hidayah Mohamed anjuran 'Ini Sains Beb!' di MTM twitter space dengan tajuk 'Kajian Ivermectin: Bagaimana Membuat Penilaian Kritikal'.

Bagi aktiviti sukarelawan pula, seramai 24 orang pelajar sarjana muda pergigian tahun dua telah mengadakan 'Food for Charity 2.0' pada 27 Februari 2020. Aktiviti yang dijalankan ialah mengedarkan makanan kepada golongan gelandangan, berkenaan penyakit berjangkit, pendidikan seks, dan penjagaan kesihatan mulut. Pada 29 Februari 2020 pula, seramai 37 orang (pensyarah, pelajar dan staf sokongan) fakulti telah menjayakan aktiviti sukarelawan 'Free Market Kuala Woh 2020' atas jemputan EXS Synergy Sdn. Bhd. dengan tujuan memberi perkhidmatan pergigian percuma dan nasihat penjagaan kesihatan mulut kepada golongan orang asli. Tanggal 11 Mac 2021, 3 orang pensyarah, 10 orang pelajar pascasiswazah dan 2

orang stat sokongan telah mengadakan 'Gillmore House Kids Therapy Centre visit' yang bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para ibu bapa kanak-kanak berkeperluan khas tentang kepentingan penjagaan kesihatan mulut dan pemakanan yang sesuai buat mereka.

Para alumni fakulti pergigian UiTM turut memainkan peranan penting dalam berkongsi pengalaman dan kepakaran buat masyarakat dan para pelajar di fakulti dalam menyediakan mereka untuk alam pekerjaan bagi mengembangkan diri dan kepakaran masing-masing kelak. Bermula Februari 2021, 15 orang alumni yang sedang berkhidmat sebagai pegawai pergigian di pelbagai institusi telah tampil memberi perkongsian tentang tajuk-tajuk tertentu. Tajuk-tajuk webinar yang telah disampaikan ialah 'Life After BDS', webinar 'I Want to Further My Study and Specialise (2 bahagian)' dan 'I Want to Be a Successful Private Practitioner (2 bahagian)'. Sumbangan mereka amat penting dalam penerusan pembelajaran dan perkembangan para pelajar untuk terus melakukan yang terbaik bagi menyumbang khidmat dan kepakaran kepada masyarakat.

### **7.3.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [7.3.2.pdf](#)

### **7.3.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [7.3.3 Trend.pdf](#)

### **7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [7.3.4 PERBANDINGAN TANDA ARAS.pdf](#)

### **7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [HASIL 3 - 7.3.5 PENYAMPAIAN MAKLUMAT BERKAITAN KESIHATAN MULUT, AKTIVITI KESUKARELAWANAN 7 ALUMNI.pdf](#)